

9.1 Maksud Pemanasan Global

1 Antara berikut, gas yang manakah menyebabkan peningkatan suhu atmosfera bumi?

- I CFC
 - II Oksigen
 - III Hidrogen
 - IV Karbon dioksida
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

2 Pernyataan yang manakah tepat?

- A Pemanasan global merupakan peningkatan suhu di sesuatu kawasan
- B Peningkatan suhu setempat merupakan peningkatan suhu di suatu kawasan
- C Pemanasan global merupakan akibat daripada pengurangan gas rumah hijau
- D Peningkatan suhu setempat merupakan akibat daripada pengurangan gas rumah hijau

9.2 Faktor-faktor Pemanasan Global

3 Antara berikut, apakah faktor semula jadi yang menyebabkan suhu bumi meningkat?

- A Pelepasan asap kilang
- B Letusan gunung berapi
- C Pembuangan sampah sarap
- D Pembakaran hutan secara terbuka

4 Apakah yang dimaksudkan dengan penyahhutan?

- A Pengekalan kawasan hutan
- B Pengurangan kawasan hutan
- C Pemusnahan hutan secara kekal
- D Pemusnahan hutan secara sementara

5 Apakah yang dapat dikaitkan dengan maklumat berikut?

- Pertanian
- Penjana tenaga elektrik termal

- A Sumber gas rumah hijau
- B Kesan pemanasan global
- C Faktor pemanasan global
- D Ciri-ciri pemanasan global

9.4 Langkah-langkah Mengurangkan Kesan Pemanasan Global

10 Antara langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kesan pemanasan global ialah

- I memelihara haiwan
 - II berkongsi kenderaan
 - III kempen bebas plastik
 - IV mengadakan aktiviti luar
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6 Padanan yang manakah benar tentang aktiviti manusia dan jenis gas yang dibebaskan?

Aktiviti	Jenis gas
A Pengangkutan	CFC
B Perindustrian	Nitrus oksida
C Pembakaran terbuka	Metana
D Penjana tenaga elektrik termal	Karbon dioksida

9.3 Kesan-kesan Pemanasan Global

7 Antara kesan pemanasan global ialah

- I gangguan cuaca
 - II kebakaran hutan semula jadi
 - III kemusnahan habitat haiwan
 - IV kemerosotan sumber makanan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Bagaimanakah pemanasan global boleh mempengaruhi kemerosotan sumber makanan?

- I Tanah menjadi tandus
 - II Suhu air laut meningkat
 - III Keasidan tanah berkurang
 - IV Kepekatan gas di udara bandar
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9 Apakah penyakit yang berisiko dihadapi oleh manusia akibat pemanasan global?

- I Rabun
 - II Katarak
 - III Kanser kulit
 - IV Kanser darah
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Apakah usaha yang boleh dilaksanakan di peringkat sekolah untuk mengurangkan pemanasan global?

- I Amalan kitar semula
 - II Berkongsi kenderaan
 - III Kerjasama antarabangsa
 - IV Pendidikan alam sekitar
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV